



20 JUN, 2021

## Nasib haiwan di Zoo Melaka terbela

Metro Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

# Nasib haiwan di Zoo Melaka terbela

**Melaka:** Nasib haiwan di Zoo Melaka terbela apabila Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyumbang lebih lima tan buah-buahan dan sayur-sayuran kepada 'penghuni' zoo itu semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, program Mafi Prihatin itu susulan maklumat zoo berkenaan berdepan masalah kewangan ketika pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Menurutnya, pihak Zoo Melaka perlu menampung perbelanjaan terutama makanan haiwan di zoo berkenaan yang mencecah RM250,000 sebulan.

Katanya, terdapat ki-



AHMAD (tengah) memeriksa buah-buahan yang disumbangkan kepada Zoo Melaka di Ayer Keroh, semalam.

ra-kira 550 haiwan mem-babitkan 220 spesies di zoo itu yang memerlukan per-hatian.

Sehubungan itu, melalui Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan, pi-

haknya menyumbang buah-buahan dan sayur-sayuran kepada pihak pengurusan Zoo Melaka.

"Salah satu agensi di bawah Fama juga dijadualkan akan membekalkan daging dan ayam dalam memas-

tikan kelangsungan Zoo Melaka dapat diteruskan.

"Dalam masa sama pihak kami juga menyeru mana-mana pihak untuk sama-sama menyumbang kepada pihak zoo berkenaan seperti dilakukan badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Bilal Muda dari Negeri Sembilan yang turut menyumbang makanan haiwan di zoo berkenaan," katanya.

Menurutnya, Mafi prihatin turut membantu pesakit, mangsa banjir dan bencana alam sebelum ini.

"Namun kali ini, kami turut membantu Zoo Melaka serta Zoo Negara. Pelbagai buah dan sayur mem-babitkan jagung, batang jagung, nanas MD2, buah lai, tebu dan labu manis diserahkan kepada pihak pengurusan Zoo Melaka Ayer Keroh," katanya.



20 JUN, 2021

## Nasib haiwan di Zoo Melaka terbela

Metro Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Melaka: Nasib haiwan di Zoo Melaka terbela apabila Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyumbang lebih lima tan buah-buahan dan sayur sayuran kepada 'p en g h u n i' zoo itu semalam. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, program Mafi Prihatin itu susulan maklumat zoo berkenaan berdepan masalah kewangan ketika pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.